

Newspaper	Berita Harian
Date	8/10/2012

UIAM menang RM50,000

BH - 8/10/2012

» Juara Cabaran Mobiliti Hijau PROTON 2012

Oleh Haika Khazi
mfaizul@bharian.com.my

► Sepang

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Smart Mobility muncul juara keseluruhan Cabaran Mobiliti Hijau PROTON 2012.

Kejayaan itu membolehkan pasukan UIAM Smart Mobility membawa pulang hadiah geran penyelidikan dan pembangunan (R&D) RM50,000, sumbangan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), peluang kerjasama dengan PROTON Holdings Berhad (PROTON) dan trofi.

Tempat kedua dimenangi pasukan Universiti Malaysia Pahang (UMP EV), manakala tempat ketiga diraih Universiti Teknikal

Malaysia Melaka (UTeM). Hadiah disampaikan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang juga Penasihat PROTON.

Sementara itu, Dr Mahathir pada sidang medianya menggesa PROTON bangkit untuk merampas statusnya sebagai pengeluar kereta nombor satu di Malaysia.

Katanya, PROTON perlu berusaha mengeluarkan kereta berkualiti dan mampu memenuhi permintaan rakyat serta pasaran luar negara dengan menggunakan teknologi terkini dan mesra alam.

Jadi pemain utama

"Jika kita mahu melihat PROTON kembali menjadi pemain utama industri automotif dan kereta telaris di Malaysia, mereka mesti mengeluarkan kenderaan boleh diterima ramai," katanya.

Justeru, Dr Mahathir berkata, beliau mengalu-alukan usaha PROTON menganjurkan Cabaran Mobiliti Hijau PROTON 2012 kerana ia dapat membantu syarikat automotif di Malaysia mening-



Dr Mahathir menyampaikan replika geran RM50,000 kepada Dekan Fakulti Kejuruteraan UIAM, Prof Datuk Wira Mohd Nor Salleh di Sepang, semalam.
(FOTO FARIZ ISWADI ISMAIL/BH)

katkan kemampuan menghasilkan kereta lebih mesra alam dan mampu bersaing di pasaran global.

"Kita mempunyai kumpulan jurutera berkebolehan, jadi kenapa masih perlu bergantung kepada teknologi dari luar negara.

"Oleh itu, sudah tiba masanya untuk kita memikir teknologi baru dalam industri automotif supaya kita akan mempunyai harta intelek yang dengan sendirinya mampu menyumbang kepada ekonomi negara," katanya.

Mengulas lanjut, Dr Mahathir berkata, jika PROTON berhasrat melebarkan sayap ke peringkat global, pengeluar kereta itu perlu

mampu dijual di Malaysia terlebih dulu, sekali gus menarik minat pembeli dari luar negara.

Beliau turut menggesa pengeluar kereta mencipta teknologi baru dengan menggunakan kepakaran jurutera tempatan.

Guna pakar luar

Katanya, kini industri automotif tempatan banyak bergantung kepada teknologi luar dan meminggirkan kepakaran tempatan.

"Kita mempunyai jurutera tetapi tidak memperkenalkan teknologi baru, kebanyakan hanya memasang produk yang dibuat orang lain dan guna apa juga

"Kita mempunyai jurutera tetapi tidak perkenalkan teknologi baru, kebanyakan hanya memasang produk dibuat orang lain dan guna teknologi dari luar"

Dr Mahathir Mohamad, Bekas Perdana Menteri

teknologi yang datang dari luar.

"Masa sudah tiba kita memikirkan teknologi baru supaya mempunyai harta intelek yang dengan sendirinya boleh menyumbang kepada ekonomi negara," katanya.